


Laut China Selatan perlu kekal laluan aman: PM

BH- 11/11/2021
mb: 2



Ismail Sabri bersama Joko Widodo pada sidang media di Istana Bogor, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia mahu isu sempadan maritim diselesai ikut undang-undang antarabangsa

Jakarta: Malaysia menyatakan pendirian bahawa Laut China Selatan perlu kekal menjadi laluan perdagangan dan perairan yang aman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata isu itu dibincangkan dalam pertemuannya dengan Presiden Indonesia, Joko Widodo di sini semalam yang antara lain turut menyentuh isu sempadan maritim serta berkaitan Myanmar.

“Malaysia berpegang teguh bahawa kedaulatan dan kepentingan negara menjadi asas utama berhubung pendirian dan tindakan yang akan diambil. Kerajaan Malaysia akan terus mempertahankan keutuhan wilayah, hak kedaulatan dan kepentingan negara,” katanya.

Dalam satu kenyataan media selepas perbincangan dua hala semalam, Ismail Sabri yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Indonesia sejak kelmarin, berkata semua pihak perlu mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif.

Katanya, sebarang pertikaian mengenai Laut China Selatan perlu diselesaikan secara aman berlandaskan prinsip undang-undang antarabangsa yang diperakui bersama, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung Undang-Undang Laut 1982.

Perdana Menteri memberi jaminan Malaysia akan terus komited untuk mencapai penyelesaian bagi memuktamadkan batasan sempadan maritim.

“Berkaitan isu Myanmar, Malaysia dan Indonesia sependapat isu ini perlu ditangani dengan baik.

Dalam hal ini, Malaysia menyokong penuh Konsensus Lima Peraka yang dicapai dalam Mesyuarat Pemimpin ASEAN dan menyeru pelaksanaannya dapat dilakukan dengan segera,” katanya.

Turut mengalu-alukan kehadiran pelabur negara jiran itu membuat pelaburan di Malaysia, Ismail Sabri berkata, Indonesia adalah rakan perdagangan dan pelaburan yang penting dan strategik bagi Malaysia, membabitkan nilai perdagangan dua hala berjumlah AS\$15.67 bilion (RM65.06 bilion) pada tahun lalu.

“Pada suku kedua 2021, jumlah pelaburan Malaysia di Indonesia adalah sebanyak AS\$12.53 bilion (RM52.02 bilion) dan pelaburan Indonesia di Malaysia AS\$1.16 bilion (RM4.82 bilion),” katanya.

Perdana Menteri juga percaya pemindahan dan pembangunan ibu kota baharu Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur adalah langkah yang tepat seperti pernah dilakukan Malaysia 25 tahun lalu dengan pemindahan pusat pentadbiran dari Kuala Lumpur ke Putrajaya.

Justeru, katanya, Malaysia bersedia berkongsi pengalaman berkaitan perkara itu, manakala syarikat dari Malaysia juga sedia bekerjasama dan turut serta untuk membangunkan projek berskala mega berkenaan.